

CNS7885

R GB 29-09 00171 BH831

aab

Dasar

DASAR LUAR MALAYSIA BERUBAH DI BAWAH DR MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Dasar luar Malaysia dan proses penggubalannya telah didemokrasikan sejak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih pentadbiran pada 1981, demikian seminar pertahanan diberitahu hari ini.

Encik Sallehuddin Abdullah, pengarah latihan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), berkata dasar itu tidak lagi merupakan "tugasan elitis" di mana kementerian lain (selain hanya Wisma Putra) dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut terlibat dalam perbincangan mengenai isu dasar luar.

Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja bertajuk "Pandangan Mengenai Dasar Luar Malaysia" pada seminar sehari mengenai Dasar Pertahanan dan Luar Negara - Cabaran Ke arah 2020.

Seminar itu, anjuran bersama Pusat Kajian Strategik Malaysia dan Forum Hal Ehwal Antarabangsa Malaysia, dihadiri oleh lebih 50 peserta dari industri pertahanan.

"Di bawah pentadbiran Dr Mahathir, proses membuat keputusan mengenai dasar luar menjadi lebih kolektif yang mana kabinet terlibat sepenuhnya dalam proses itu," katanya. -- Lagi

▼29/09/17-08MST

CNS7897

R GB 29-09 00186 BH832

aab

Dasar 2 Kuala Lumpur

Sallehuddin juga berkata, "Dasar luar dalam era selepas 1991 tidak lagi reaktif dan bercelaru seperti sebelum 1981. Tempoh 10 tahun (1981-1991) merupakan tempoh peralihan dalam mencari satu agenda bagi pembangunan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2000."

Satu lagi pembaharuan dasar luar sejak 1981 ialah menggunakan secara sedar bantuan teknikal mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) sebagai satu alat kepada dasar itu.

Mengikut program itu yang bermula pada 1980, Malaysia telah memberikan bantuan teknikal dan kewangan kepada banyak negara dunia ketiga seperti Fiji, Maldives, Sudan, Iraq, Tanzania, Vietnam, Kepulauan Cook dan Sri Lanka untuk latihan dan tugas dalam bidang-bidang seperti diplomasi, bank pusat dan penerbangan awam hinggalah kepada pentadbiran awam dan pengurusan.

Dasar luar Dr Mahathir juga bersifat inovatif dalam arti kata beliau membawa bersamanya satu stail diplomasi yang tulen, tegas, jelas, cekap dan sistematik.

Contoh yang baik ialah isu kerjasama selatan-selatan yang mana Dr Mahathir mengambil peranan aktif dan utama setelah menyedari bahawa dialog Utara-Selatan selama ini merupakan sesuatu yang retorik, kata Sallehuddin.

-- Lagi

▼29/09/17-19MST

CNS7965

R GB 29-09 00117 BH834

bah

Dasar 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Dr Mahathir telah memberitahu dunia secara berterus terang, tegas dan jelas mengenai sebab-sebab Malaysia mengambil inisiatif dalam meneruskan dasar itu. Dalam hal ini, beliau berjaya menggalakkan Kerjasama Selatan-selatan menerusi Kumpulan 15 (G-15)," katanya.

Semasa merumuskan kertas kerjanya, Sallehuddin berkata dasar luar Malaysia selepas 1981 digantikan dengan satu dasar yang lebih terancang, berselaras, berprinsip, dan konsisten seperti yang dirangkumkan dalam satu daripada cabaran Wawasan 2020.

Dasar luar itu dengan penekanan terhadap ekonomi dan perdagangan telah dan akan terus menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan harus disegani dari kacamata serantau dan dunia, katanya. --
Bernama.

ZV RON RS

▼29/09/17-56MST